



PUSAT PERGIGIAN KANAK-KANAK & INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (PERGIGIAN), GEORGETOWN, PULAU PINANG

EDISI 2022 BULETIN



PERUTUSAN PENGARAH

Dr. Nor Haslina bt Mohd Hashim



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Setelah hampir 2 tahun berperang dengan COVID-19, negara akhirnya bersedia memasuki Fasa “Peralihan Ke Endemik” bermula 1 April 2022.

Seiring dengan anjakan ini, aktiviti Latihan (Pengajaran dan Pembelajaran) kepada pelatih Aukiliari Pergigian dan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian kepada masyarakat kembali dilaksanakan dengan optimum. Ini adalah selaras dengan Surat Edaran dari Bahagian Pengurusan Latihan mengenai

Penangguhan Pelaksanaan Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pandemik COVID-19 dan Garis Panduan Pengurusan Wabak COVID-19 Perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang dikeluarkan oleh Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Fasa endemik membolehkan pelaksanaan aktiviti Latihan (Pengajaran dan Pembelajaran) dilakukan secara bersemuka. Perkara ini sekaligus memudahkan komunikasi antara Pengajar dan Pelatih Aukiliari Pergigian, meminimalkan gangguan teknikal semasa aktiviti Latihan dijalankan serta meningkatkan peluang pembelajaran dengan pesakit sebenar.

Selaras dengan peralihan negara ke fasa endemik, penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian tidak lagi terbatas seperti yang berlaku ketika wabak COVID-19 mengganas. Kepatuhan kepada amalan kawalan jangkitan silang (standard precautions) dan pemakaian PPE yang lengkap diteruskan kerana dapat mengurangkan risiko dan mencegah penularan COVID-19 kepada pesakit dan anggota pergigian.

Akhir kata, syabas kepada sidang redaksi Buletin PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown 2022 kerana berjaya merakamkan momen-momen bersejarah buat tatapan warga PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown.

Tidak lupa juga, sekalung ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua anggota dan pelatih aukiliari PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown yang berhempas pulas menjayakan aktiviti dan program yang telah berlangsung sepanjang tahun 2022. Sehingga berjumpa lagi dan selamat melangkah ke tahun 2023!



Dr. Nor Haslina bt
Mohd Hashim
PENASIHAT



Dr. Nurul Haizan bt
Dziauddin
PENYELARAS / EDITOR



Dr. Wan Zarina bt
Zainol Abidin
KETUA EDITOR



Dr. Jude Florian
Bajagap
EDITOR



Cik Siti Bahirah bt
Yusof
EDITOR



En. Andrew Anak
Joseph
EDITOR

CORETAN EDITOR

Assalamualaikum dan salam hormat kepada semua pembaca.

Dengan beralihnya Malaysia ke fasa endemik COVID-19, masyarakat dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala. Kelonggaran ini turut memberi kesan baik pada pengoperasian PPKK & ILKKM (Pergigian), Georgetown. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran kembali berlangsung secara bersemuka manakala Perkhidmatan Kesihatan Pergigian kepada pesakit dijalankan secara optimum dengan mematuhi garis panduan.

Penerbitan Edisi Buletin 2022 mengimbas sorotan aktiviti-aktiviti utama dan menarik yang telah berlangsung sepanjang tahun. Buletin ini telah dihasilkan dengan kupasan fokus utama pada pengoperasian aktiviti Latihan dan Perkhidmatan setelah negara beralih ke fasa endemik COVID-19. Di samping itu, edisi kali ini turut memaparkan kejayaan Pengajar dan Pelatih yang ditempa bersama untuk dikongsi dengan warga institusi.

Saya mewakili Sidang Redaksi menzahirkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi tahun 2022 dan seluruh warga kerja institusi atas usaha bersama dalam memastikan Buletin PPKK & ILKKM (Pergigian) berjaya direalisasikan.

Jumpa lagi dalam Edisi Buletin 2023!

PENAFIAN!

Semua hasil penulisan yang ditulis dan foto-foto di dalam buletin ini adalah fakta dan tidak ditiru atau diplagiat daripada mana-mana sumber.

Pihak editor berhak memadam hasil penulisan daripada buletin sekiranya terdapat isu-isu sensitif dan tidak berkaitan.

Penulisan dan pencetakan semula dari setiap bahan, artikel dan ilustrasi di dalam majalah ini adalah tidak dibenarkan sama sekali tanpa mendapat sebarang kebenaran bertulis dari penerbit.



KANDUNGAN

01 PERUTUSAN PENGARAH

02 CORETAN EDITOR & PENAFIAN

AKTIVITI UNIT LATIHAN AUKSILIARI PERGIGIAN

03 1. PENDAFTARAN PELATIH BAHARU KURSUS PRA-PERKHIDMATAN (AMBILAN JANUARI & JULAI 2022)

05 2. PENGOPERASIAN LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN

06 3. MAJLIS PERARAKAN HARI KEMERDEKAAN KONTIJEN KAWAD PPKK & ILKKM (PERGIGIAN)

4. AKTIVITI UNIT POS BASIK & PENGKHUSUSAN :

08 (I) PEPERIKSAAN AKHIR KURSUS POS BASIK PROSTESIS MAKSILOFASIAL JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN

10 (II) BENGKEL TOT & PEMBINAAN ITEM KURSUS POS BASIK PEDIATRIK JURUTERAPI PERGIGIAN

11 (III) MESYUARAT SEMAKAN KURIKULUM KURSUS POS BASIK PERIODONTIK JURUTERAPI PERGIGIAN

KANDUNGAN

AKTIVITI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN

- 12 1. PERKHIDMATAN PERGIGIAN SEKOLAH
- 2. UNIT PROMOSI DAN PENCEGAHAN KESIHATAN PERGIGIAN :
- 14 (I) SAMBUTAN WORLD ORAL HEALTH DAY (WOHD) 2022
- 17 (II) HARI KANAK-KANAK ANTARABANGSA 2022
- 18 — MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK ANTARABANGSA PERINGKAT PPKK & ILKKM (PERGIGIAN) GEORGETOWN
- 19 — BENGKEL GURU, TASKA, TADIKA & PRA-SEKOLAH 2022
- 21 — LAWATAN SAMBIL BELAJAR KANAK-KANAK TASKA, TADIKA DAN PRA-SEKOLAH
- 23 — "SENYUMAN SI KECIL" (KOLABORASI BERSAMA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA)
- 24 (III) MAJLIS PERASMIAN MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN (MPKP) 2022
- 27 (IV) MINGGU KESEDARAN KANSER MULUT (MCAW) 2022

AKTIVITI INISIATIF KUALITI

- 29 1. UNIT ISO
- 30 2. UNIT EKSA
- 31 3. UNIT INOVASI

AKTIVITI LAIN-LAIN

- 32 1. MAJLIS PELANCARAN HARI KEMERDEKAAN KE-65
- 34 2. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2021
- 35 SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2021
- 36 MOMEN-MOMEN 2022
- 38 LANTIKAN BARU & PERTUKARAN MASUK KAKITANGAN 2022
- 39 SENARAI NAMA PESARA 2022

AKTIVITI UNIT LATIHAN AUKSILIARI PERGIGIAN

Pendaftaran Pelatih Baharu Kursus Pra-Perkhidmatan
(Ambilan Januari & Julai 2022)



Sesi suai kenal Pengajar bersama Pelatih baharu di Auditorium

Pusat Pergigian Kanak – Kanak dan Institut Latihan KKM (Pergigian) Georgetown telah menerima 96 orang pelatih baharu bagi Ambilan Januari dan 168 orang bagi Ambilan Julai. Pelatih – pelatih telah mendaftar dan mengikuti kursus yang telah ditawarkan di bawah anjuran Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Diploma Terapi Pergigian, Diploma Teknologi Pergigian dan Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian.

Unit Hal Ehwal Pelatih (HEP) PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown telah melaksanakan minggu orientasi bagi pelatih – pelatih baharu buat pertama kalinya secara hibrid di mana sebahagian aktiviti dijalankan melalui platform Google Meet manakala aktiviti berkumpul pula diadakan secara bersemuka. Kaedah ini dipilih sebagai inisiatif bagi mengelakkan pemulanan jangkitan COVID-19 dalam kalangan pelatih dan pengajar.



Aktiviti Minggu Orientasi yang diadakan di ruangan parkir Bangunan Tambahan

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang minggu orientasi diadakan bertujuan untuk membantu pelatih menyesuaikan diri di institut dan juga untuk memberi pengenalan kepada etika kerjaya dan tahap disiplin yang diperlukan sebagai seorang bakal penjawat awam. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan adalah penyampaian Taklimat Akademik, Taklimat Perpustakaan, Taklimat Keselamatan, Aktiviti Budaya Korporat, Aktiviti Membina Masyarakat dan Ujian Saringan Minda Sihat (DASS).

Syabas diucapkan kepada Unit HEP PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown dan semua staf yang terlibat serta para pelatih yang bertungkus-lumus memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan minggu orientasi ini!

Pengoperasian Latihan (Pra-Perkhidmatan)

Seiring pergerakan negara ke arah fasa endemik, PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown kembali beroperasi sebagaimana sebelum datangnya pandemik COVID-19 dua tahun lalu. Latihan Pra-Perkhidmatan yang dijalankan tertumpu kepada Latihan Auksiliari Pergigian iaitu Diploma Juruteknologi Pergigian, Diploma Juruterapi Pergigian dan Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian.

Mengimbas kembali ketika pandemik, sesi Pengajaran dan Pembelajaran (teori) dengan pelaksanaan secara dalam talian, manakala amali dan praktikal pula dilakukan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Kini di fasa endemik ini, sesi Pengajaran dan Pembelajaran (teori/latihan amali/praktikal) berlangsung secara bersemuka sejak April 2022. Sesi Pengajaran dan Pembelajaran secara bersemuka ini membolehkan penyampaian syarahan yang lebih efektif, komunikasi dua hala yang lebih berkesan, memudahkan penilaian pelatih berlangsung serta dapat memastikan semua pelatih tidak ketinggalan dalam pembelajaran.



Pengoperasian Latihan di Bilik Rawatan



Trigeminal Neuralgia

Kesakitan yang tajam atau mencucuk-cucuk, seumpama kejutan elektrik di kawasan muka atau mulut yang melibatkan saraf trigeminal

AKTIVITI YANG MENCETUSKAN SERANGAN



MENGUNYAH, MAKAN & MINUM



CUACA: PANAS, SEJUK, ANGIN & HUJAN



STRESS & PENAT



MENYENGET & MEMBENGGOK KEPALA



BERCAKAP, SENYUM & KETAWA



MEMBERUS GIGI & MENCUCI MUKA

Majlis Perarakan Hari Kemerdekaan Kontinjen Kawad PPKK & ILKKM (Pergigian)



Kontinjen Kawad PPKK & ILKKM (Pergigian) bersama Puan Pengarah

Pada 31 Ogos 2022 (Rabu), kontinjen kawad PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown telah menyertai Pertandingan Kawad Bersempena Hari Kemerdekaan 2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Pertandingan yang berlangsung dari jam 7.00 pagi sehingga 12.00 tengahari telah melibatkan 52 orang anggota kawad dan 15 orang ahli jawatankuasa kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terdiri daripada pelatih Pembantu Pembedahan Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Juruterapi Pergigianambilan Julai 2021 dan 2022. Kontinjen ini telah diketuai oleh Encik Muhammad Hafiz bin Samat dan ketika ketua platun adalah Encik Muhammad Izzuddin bin Jamari.

Kontinjen-kontinjen kategori IPT terdiri daripada 5 kontinjen iaitu Institut Latihan Kementerian Kesihatan Pergigian (ILKKM), Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (KMPP).

Majlis Perarakan Hari Kemerdekaan yang berlangsung selama 5 jam ini dimulai dengan ketibaan Dif-dif kehormat dan tetamu jemputan. Seterusnya adalah ketibaan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri Pulau Pinang dan ketibaan TYT. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Untuk Negeri Kita. Kemudian, diteruskan dengan acara menaikkan Jalur Gemilang diiringi nyanyian lagu Negaraku. Acara seterusnya adalah lafaz ikrar Rukun Negara dan laungan MERDEKA. Acara diteruskan dengan persembahan deklamasi puisi kemerdekaan, persembahan koir dan persembahan khas Hari Kebangsaan.

Seterusnya kemuncak acara majlis adalah perarakan daripada 96 kontinjen kawad terdiri daripada kategori badan beruniform, awam, IPT, sekolah, swasta, NGO, pancaragam, dan kontinjen berkenderaan. Kontinjen kawad PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown yang diiringi oleh Encik Mhd Zaki bin Awang Lah selaku penyelarar bagi pasukan kawad telah dinobatkan sebagai Johan Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan ke - 65 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 bagi Kategori Institut Pengajian Tinggi/Latihan dan membawa pulang piala kejuaraan, piala pusingan, wang tunai sebanyak RM3,000.00 beserta sijil kejuaraan dan penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Hj Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan disaksikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tahniah diucapkan kepada kontinjen kawad PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown !!



Majlis Perarakan Hari Kebangsaan ke-65 berlangsung di Padang Kota, Georgetown, Pulau Pinang



Encik Mhd Zaki (penyelaras) mewakili kontinjen kawad PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown menerima piala kejuaraan

1

Peperiksaan Akhir Kursus Pos Basik Prostesis Maksilofasial Juruteknologi Pergigian



Peserta-peserta Kursus Posbasik Prostesis Maksilofasial bersama Pengarah, Pemeriksa Jemputan, dan Para Pengajar

Seramai 20 orang peserta Kursus Posbasik Prostesis Maksilofasial telah berjaya menduduki peperiksaan akhir mereka pada 7-10 Mac 2022 di PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang. Usai peperiksaan ini berjalan, maka berakhirnya kursus yang telah berlangsung selama 6 bulan.

Objektif kursus ini adalah untuk melatih sekumpulan Juruteknologi Pergigian yang mempunyai kompetensi dan teknik yang tinggi dalam proses penghasilan aplians prostesis yang berfokus kepada kes-kes maksilofasial. Dengan ilmu ini, para Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS) mampu melaksanakan rawatan yang lebih menyeluruh kepada pesakit yang memerlukan dengan adanya akses kepada kemahiran juruteknologi pergigian yang arif dalam penghasilan aplians prostesis maksilofasial.

Semoga kesemua peserta dapat memberi perkhidmatan yang terbaik, selari dengan tahap ilmu dan kompetensi yang diperolehi sekembalinya mereka ke tempat bertugas masing-masing.

Peperiksaan ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu kertas teori, sesi praktikal dan sesi viva. Seramai 3 orang pemeriksa jemputan yang terdiri daripada Dr Yuen Kar Mun, pakar OMFS dari Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Dr Muhammad Ridwan Bin Yeop Ismail, Pakar OMFS dari Hospital Tuanku Fauziah Perlis dan Dr Rosnani Ngah, Pakar DPH dari Pulau Pinang telah menyumbang kepakaran dan masa mereka untuk menjayakan peperiksaan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan !



Penyampaian cenderahati tanda penghargaan dari pihak PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown kepada Pakar Pergigian yang dijemput sebagai pemeriksa



Sesi Ujian Teori



Stesen Ujian Praktikal

2

Bengkel TOT & Pembinaan Item Kursus Pos Basik Pediatrik Juruterapi Pergigian



Pakar Pergigian Pediatrik sebagai sebahagian tenaga pengajar Kursus Pos Basik Pediatrik Juruterapi Pergigian Ambilan September 2022

Bengkel TOT & Pembinaan Item bagi Kursus Pos Basik Pediatrik Juruterapi Pergigian Ambilan September 2022 telah diadakan di PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown pada 20 hingga 21 Julai 2022. Bengkel merupakan anjuran bersama unit Pos Basik & Pengkhususan dan unit Peperiksaan & Pensijilan Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) KKM.

Bengkel berdurasi 2 hari ini telah melibatkan seramai 19 orang Pakar Pergigian dari pelbagai kepakaran iaitu Pergigian Pediatrik, Ortodontik, Kesihatan Awam Pergigian dan Restoratif. Tujuan bengkel diadakan adalah untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran Pakar Pergigian selaku fasilitator dalam pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran (P&P), penyediaan item, pelan & modul pengajaran agar selaras dengan kurikulum baru iaitu Outcome-Based Education (OBE) dan ketetapan piawai Malaysia Malaysian Qualifications Framework (MQF) bagi Kursus Pos Basik Pergigian Pediatrik Juruterapi Pergigian untuk ambilan September 2022.

3

Mesyuarat Semakan Kurikulum Kursus Pos Basik Periodontik Juruterapi Pergigian



Mesyuarat Semakan Kurikulum Kursus Pos Basik Periodontik Juruterapi Pergigian di BPL, Putrajaya dihadiri oleh Pakar-Pakar Pergigian

Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) Kementerian Kesihatan Malaysia bersama - sama Unit Pos Basik telah mengadakan Mesyuarat Semakan Kurikulum Kursus Pos Basik Periodontik Juruterapi Pergigian di BPL, Putrajaya pada 8 September 2022.

Mesyuarat yang berlangsung selama 2 hari ini melibatkan 15 ahli yang terdiri daripada Pengarah PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown, Pakar - Pakar Periodontik dan Kesihatan Am Pergigian, ahli jawatankuasa unit Pos Basik PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown dan pegawai BPL Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyemak Kurikulum Konvensional Pergigian Periodontik dan meminda ke kekurikulum Outcome Based Learning (OBE). Hasil daripada mesyuarat ini akan menjadi konten yang selaras dengan perkembangan semasa pengetahuan dan klinikal Pergigian Periodontik yang terkini, serta selari dengan format OBE dan ketetapan piawaian MQF.

"Ubat Gigi Boleh Singkirkan Karang Gigi?"



Apa itu Karang Gigi?

Karang gigi ialah plak yang mengeras. Plak ialah filem bakteria melekit yang sentiasa menyelaputi gigi anda. Jika tidak dibuang, plak akhirnya menyerap kalsium dan fosfat dalam air liur anda dan mengeras menjadi tartar.

ia juga dikenali sebagai kalkulus.

HENTIKAN KARANG GIGI DENGAN MENGHENTIKAN PLAK



- Berus dua kali sehari
- Gunakan berus berbulu lembut
- Letakkan berus pada kecondongan 45 darjah dan mulakan memberus dari gusi ke gigi.
- Gunakan ubat gigi berflorida
- Flos sekali sehari.

Karang gigi tidak boleh disingkirkan dengan memberus gigi. Ia perlu dibersihkan secara profesional oleh profesional pergigian.

SERAHKAN KEPADA DOKTOR GIGI ANDA

- Pembersihan gigi berkala boleh menghilangkan pembentukan karang gigi.
- Karang gigi boleh menyebabkan penyakit gusi jika dibiarkan.
- Serahkan kesihatan pergigian anda kepada doktor gigi bertauliah.



AKTIVITI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN

Institusi ini menjalankan pelbagai aktiviti Penjagaan Kesihatan Pergigian kepada kumpulan sasar dari pelbagai kategori umur. Selain dari klinik pesakit luar, institusi ini turut menjalankan perkhidmatan *outreach* serta aktiviti promotif & pencegahan. Antara aktiviti tersebut adalah seperti di bawah :

Perkhidmatan Pergigian Sekolah



Pasukan Pergigian Bergerak (PPB) PPKK & ILKMM (Pergigian)
Georgetown

Perkhidmatan Pergigian Sekolah dilaksanakan secara Pasukan Pergigian Bergerak (PPB) dan secara *shuttle* ke institusi. Perkhidmatan ini telah meliputi 15 buah sekolah (rendah & menengah) di bawah seliaan PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown. Pemilihan sekolah untuk Pasukan Pergigian Bergerak dan juga untuk *shuttle* ke institusi adalah berdasarkan penilaian risiko karies.

Murid sekolah berisiko tinggi dikendalikan oleh Pasukan Pergigian Bergerak di sekolah manakala murid sekolah berisiko rendah akan dishuttle ke institusi untuk tujuan latihan di bawah pemantauan dan pengawasan Pengajar dan Juruterapi Pergigian (terlatih)

Prestasi perkhidmatan menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan pada tahun ini hasil usaha *dedicated team* yang jitu serta kerjasama yang cemerlang dari pihak pengurusan sekolah dan para murid.



Aktiviti - aktiviti Pasukan Pergigian Bergerakj (PPB) sepanjang menjalani pemeriksaan dan rawatan pergigian di sekolah - sekolah seliaan sepanjang 2022

Unit Promosi dan Pencegahan Kesihatan Pergigian

Sambutan World Oral Health Day (WOHD) 2022



WORLD ORAL HEALTH DAY 2022

BE PROUD OF YOUR MOUTH

20 MAC 2022
PPKK & ILKKM (P) GEORGETOWN

PROGRAM DAN AKTIVITI:

1. PERTANDINGAN POSTER DAN VIDEO TIK TOK
2. PAMERAN
3. KEMPEN PEMERIKSAAN GIGI

Aktiviti akan berlangsung dari 20 Mac hingga 28 Mac

PPKK & ILKKM Pergigian | ppkkklpn

Poster Hebahan WOHD 2022

Sambutan World Oral Health Day (WOHD) 2022 yang bertemakan "**Be Proud Of Your Mouth**" telah disambut dengan meriah oleh warga PPKK & ILKKM (Pergigian) pada 21 hingga 25 Mac 2022.

Pelbagai aktiviti menarik iaitu pameran poster, kuiz interaktif, pemeriksaan pergigian secara percuma bagi semua staf, pelatih dan pesakit telah dijalankan oleh Unit Pergigian Pencegahan. Selain itu, pertandingan pembikinan poster dan video TikTok turut diadakan dan ianya terbuka kepada semua staf dan pelatih.

Pada 30 Mac 2022, Majlis Perasmian Penutupan WOHD 2022 telah dilaksanakan secara virtual. Majlis telah dirasmikan oleh Pengarah PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown, Dr. Nor Haslina binti Mohd Hashim. Selepas upacara perasmian dilakukan, pemenang - pemenang bagi pertandingan yang telah diadakan sepanjang sambutan WOHD 2022 telah diumumkan dan semua poster serta video para pemenang telah ditayangkan bagi tatapan semua staf.

Semua aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan adalah selari dengan kempen Kementerian Kesihatan Pergigian iaitu Kempen Pemeriksaan Gigi Sekali Setahun (PEPS1S). Pihak institusi berharap program ini memberi impak yang besar kepada semua peserta dan orang awam dalam meningkatkan kesedaran untuk terus mengamalkan penjagaan kesihatan pergigian yang optimal.



Majlis Perasmian Penutupan World Oral Health Day 2022 dijalankan secara virtual

Senarai nama pemenang pembikinan video TikTok :

Tempat pertama :

1. Pn. Nor Haziqah binti Abu Bakar (Juruteknologi Pergigian) **KETUA**
2. En. Mohd Azmi Firdaus bin Abdul Rahim (Juruteknologi Pergigian)
3. Pn. Shazrina binti Mat Jenan (Juruteknologi Pergigian)
4. Cik Asfanadia binti Zainon @ Hamid (Juruteknologi Pergigian)
5. Muhammad Aliff bin Bukhari (Pelatih Juruteknologi Pergigian)
6. Nurul Hidayah binti Shuhaimi (Pelatih Juruteknologi Pergigian)
7. Amalia Najiha binti S. Rosli (Pelatih Juruteknologi Pergigian)

Senarai nama pemenang pembikinan poster (kategori staf) :

Tempat pertama : Cik Siti Bahirah binti Yusof (Juruterapi Pergigian)

Tempat kedua : En. Muhamad Zikri Hakim bin Sharom (Pembantu Pembedahan Pergigian)

Tempat ketiga : Dr. Aisyah binti Mohd Abu Bakar (Pegawai Pergigian)



Tempat pertama



Tempat kedua



Tempat ketiga

Senarai nama pemenang pembikinan poster (kategori pelatih) :

Tempat pertama : Nur Najwa Nabilah binti Hamzah

Tempat kedua : Luveena Loshini a/p Prabakaram

Tempat ketiga : Kelab Promosi ILKKM (Pelatih)



Tempat pertama



Tempat kedua



Tempat ketiga



Hari Kanak-Kanak Antarabangsa 2022



1 Jun 2022 merupakan Hari Kanak - Kanak Antarabangsa yang disambut di seluruh negara. PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown tidak ketinggalan dalam meraikan Hari Kanak-Kanak sepanjang bulan Jun 2022. Pihak institusi telah mengambil peluang ini untuk mengadakan aktiviti - aktiviti yang memberi fokus kepada keperluan kanak - kanak terutamanya dari segi kesihatan pergigian ke arah mencapai sasaran di dalam Strategi Kesihatan KKM serta Pelan Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2021-2030.

Antara matlamat Kesihatan Pergigian Utama (*Key Oral Health Goals*) ialah sasaran:

1. Mulut Bebas Karies (MBK) 50% bagi kanak-kanak 6 tahun
2. Bebas Karies (BK) 70% bagi kanak-kanak 12 tahun
3. Bebas Karies (BK) 50% bagi kanak-kanak 16 tahun
4. Bebas Gingivitis (MBG) 50% bagi kanak-kanak 16 tahun

**CERAMAH PERGIGIAN
PUSAT PERGIGIAN KANAK-KANAK & ILKKM**

JUN 2022

TEMA:

HARI KANAK-KANAK ANTARABANGSA



HAK KANAK-KANAK

10.30 PAGI

7 JUN 2022



**PENDERAAN DALAM KALANGAN
KANAK-KANAK**

10.30 PAGI

14 JUN 2022



**SOSIAL MEDIA DAN KESIHATAN
MENTAL KANAK-KANAK**

10.30 PAGI

21 JUN 2022



**PENDIDIKAN KESIHATAN
PERGIGIAN DALAM TALIAN**

10.30 PAGI

28 JUN 2022



Majlis Perasmian Sambutan Hari Kanak - Kanak Antarabangsa Peringkat PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown



Majlis Perasmian Sambutan Hari Kanak - Kanak Antarabangsa Peringkat PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown

Sambutan Hari Kanak - Kanak Antarabangsa di institusi dimulakan dengan majlis perasmian oleh Pengarah PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown, Dr. Nor Haslina binti Mohd Hashim pada 1 Jun 2022 bertempat di Auditorium, Bangunan Tambahan. Majlis ini turut dimeriahkan dengan Persembahan *Choral Speaking* bertajuk "Stop Child Abuse" oleh Pelatih Pembantu Pembedahan Pergigian dan ceramah "Adakah Anak Anda Memerlukan Rawatan Ortodontik?" oleh Pakar Pergigian Ortodontik, Dr Ainal Muaizzah Binti Anuar.

2

Bengkel Guru Taska, Tadika & Pra-Sekolah 2022



Peserta Bengkel Guru Taska, Tadika & Pra-Sekolah bersama-sama Pengarah dan urusetia program

Bengkel Guru Taska, Tadika & Pra-Sekolah telah diadakan di bawah anjuran Unit Pergigian Pencegahan bersempena Hari Kanak - Kanak Antarabangsa 2022. Tujuan bengkel ini adalah untuk menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan kesihatan pergigian kanak - kanak kepada golongan pendidik dan pembimbing taska, tadika dan pra-sekolah. Selain itu, melalui bengkel ini usaha memperkasakan mereka sebagai agen perubahan ke arah mencapai kesihatan pergigian kanak - kanak ke tahap yang lebih baik. Antara maklumat yang disampaikan ialah topik kesihatan pergigian, masalah pergigian serta langkah pencegahan penyakit pergigian dalam kalangan kanak - kanak.

Sekalung penghargaan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut, Pejabat Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) serta warga Tadika Pasti yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan bengkel ini. Semoga program ini dapat memberi manfaat dan nilai tambah dalam membantu meningkatkan tahap kesihatan pergigian generasi akan datang sepanjang hayat. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada urusetia program dan peserta atas komitmen yang diberikan.



Bengkel Guru Taska, Tadika & Pra-Sekolah telah diadakan di Bilik Unit Pergigian Pencegahan, Bangunan Induk



Lawatan Sambil Belajar Kanak - Kanak Taska, Tadika dan Pra-Sekolah



Lawatan Sambil Belajar Kanak - Kanak Taska Mutiara PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown

Pada 27 Jun 2022, bersempena Hari Kanak - Kanak Antarabangsa 2022, unit Pergigian Pencegahan PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown telah menganjurkan Lawatan Sambil Belajar Kanak - Kanak dari Taska Mutiara Tulen PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown.

Lawatan ini melibatkan seramai 11 orang kanak - kanak toddler dan diiringi seorang guru tadika. Lawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada kanak - kanak dengan fasiliti perkhidmatan pergigian. Dengan cara ini dapat membantu kanak - kanak menyesuaikan diri dengan persekitaran klinik pergigian.



Juruterapi Pergigian menyapu pewarna plak pada gigi kanak - kanak sebelum aktiviti BEGIN dijalankan



Latihan Memberus Gigi Berkesan (BEGIN)



Antara aktiviti menarik yang diadakan adalah :

- Latihan memberus gigi berkesan (BEGIN) - Demonstrasi teknik memberus gigi berkesan diberikan oleh Juruterapi Pergigian dan diikuti dengan latihan memberus gigi kanak-kanak di bawah pemerhatian
- Pemeriksaan pergigian dilakukan di Bilik Rawatan
- Aktiviti *roleplay* dan *desensitization* di mana kanak-kanak diberi peluang untuk memeriksa gigi rakank-rakan mereka
- Pertandingan mewarna dan hadiah diberikan kepada pemenang



Aktiviti roleplay dan desensitization

Pertandingan Mewarna

4

"Senyuman Si Kecil" (Kolaborasi Bersama Universiti Sains Malaysia (USM))

Pada 21 Jun 2022, satu aktiviti "Senyuman Si Kecil" anjuran Unit Pergigian Pencegahan kolaborasi bersama Unit Pergigian Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) telah dijalankan di fasiliti USM. Aktiviti ini melibatkan kanak - kanak dari Tadika Minden seramai 120 orang yang terdiri dari umur 4, 5 dan 6 tahun.

Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada kanak - kanak toddler tentang kepentingan dan cara penjagaan kesihatan pergigian. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan iaitu ;

- penyampaian ceramah oleh Juruterapi Pergigian
- Latihan Memberus Gigi Berirama
- permainan interaktif
- pertunjukan boneka
- pemeriksaan pergigian.



Antara momen sepanjang Program "Senyuman Si Kecil"

Majlis Perasmian Minggu Promosi Kesehatan Pergigian (MPKP) 2022



Majlis Perasmian Minggu Promosi Kesehatan Pergigian (MPKP) 2022 berlangsung di Auditorium

Majlis Perasmian MPKP 2022 oleh Pengarah institusi Dr. Nor Haslina binti Mohd Hashim telah diadakan pada 20 Ogos 2022, hari Sabtu, di PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown. Majlis dihadiri oleh 250 orang terdiri daripada pelatih dan staf.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang MPKP 2020 dengan bertemakan slogan "Cegah & Rawat Serlah Senyuman Sihat".

- Pertandingan TikTok Challenge
- "My Brush Hour"
- Pertandingan Maze Runner
- Pertandingan Booth Tercantik
- Pameran
- Jualan makanan dan minuman oleh kelab pelatih

Poster Hebahhan Pertandingan Tik Tok Challenge





Aktiviti - aktiviti yang dijalankan ketika
Majlis Perasmian MPKP 2022



#MyBrushHour2022
#MPKP2022



Aktiviti "My Brush Hour" oleh semua staf PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown

Minggu Kesedaran Kanser Mulut (MCAW) 2022

Minggu Kesedaran Kanser Mulut (MCAW) 2022 dengan bertemakan #Care4All telah berlangsung di PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown bermula pada 7 hingga 11 November 2022.

Majlis Perasmian Program MCAW 2022 ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Latihan) PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown, Dr. Adilatul Hasanah binti Musa di Ruang Kolam, Bangunan Induk.

Objektif MCAW 2022 adalah bagi memberi dan memupuk kesedaran serta pendidikan tentang kanser mulut kepada semua pengunjung pameran. Antara fokus utama MCAW kali ini adalah pemeriksaan mulut sendiri (Self Mouth Examination).

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang MCAW berlangsung.

- pameran poster & tayangan video
- kuiz interaktif
- Sudut Anda Tanya Kami Jawab
- Saringan Kanser Mulut
- Penyampaian ceramah bertajuk 'Tanda & Gejala Kanser Mulut'



Backdrop MCAW 2022 yang diusahakan oleh Ahli Jawatankuasa MCAW



Majlis Perasmian MCAW 2022 oleh Dr. Adilatul Hasanah binti Musa (kiri)



Sekitar Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2022 yang berlangsung dari 7 -11 November 2022

Penjagaan kesihatan pergigian untuk pesakit oral kanser

1

Elakkan mulut kering

- Minum air dengan kerap. Kulum ais batu halus. Kunyah gula getah tanpa gula. Gunakan air liur palsu yang mengandungi xylitol atau pelembab mulut (oral moisturizers) yang mengandungi carboxymethylcellulose atau hydroxymethyl cellulose

2

Bersihkan mulut, lidah, dan gusi

- Setiap kali selepas makan dan sebelum tidur. Gunakan ubat gigi berflorida, floss. Menggunakan ubat kumur yang mengandungi chlorhexidine tanpa alkohol

3

Pastikan gigi palsu sesuai dan tidak longgar.

4

Awasi pemakanan anda


- Pilihlah makanan yang berzat, lembut dan mudah dikunyah dan telan. Jauhkan diri dari minuman berkarbonat dan mengandungi kafein, makanan tajam, makanan rangup, panas, pedas dan berasid.

5

Elakkan semua produk tembakau dan alkohol

6

Jadualkan pemeriksaan pergigian berkala



AKTIVITI INISIATIF KUALITI



28 Januari 2022 - Bengkel Pengurusan
Risiko ISO 9001:2015 Bil 1/2022



11 - 12 Ogos 2022 - Bengkel Pemurnian
Senarai Semak Audit Kualiti Dalam
ISO 9001:2015



Audit Dalam ISO 9001:2015 Bil
1/2022 pada 28 Mac - 8 April 2022,
manakala Bil 2/2022 pada 22 Ogos - 5
September 2022.



22 - 23 September 2022 - Audit
Pemantauan Pertama ISO 9001:2015
oleh CI International Certification Sdn.
Bhd.


E K S A



Audit Dalamn EKSA Bil 1/2022 pada 9 - 23 Mac 2022, manakala Bil 2/2022 pada 12 - 26 Julai 2022.

12 - 13 Februari 2022 - Gotong Royong Perdana

6 April 2022 - Kursus EKSA 2022 dijalankan secara atas talian. Ceramah disampaikan oleh Pn. Izzatul Azima selaku Penolong Pegawai Tadbir Kanan Gred N36 daripada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.



INOVASI

PPKK& ILKKM Pergigian telah menyertai beberapa Pertandingan Inovasi peringkat kebangsaan iaitu Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian Tahun 2022, Anugerah Inovasi KKM serta IIIDentEx 2022 anjuran UiTM.

Syabas & tahniah kepada Kumpulan Inovasi PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown kerana telah berjaya mendapat Tempat Ketiga dan Gold Award dalam IIIDentEx 2022 dengan projek inovasi, iaitu Optimex Lite Box (OLB).

Teruskan usaha di tahun-tahun akan datang dengan idea yang lebih kreatif !

Kementerian Kesihatan Malaysia
Tahniah Kepada Pemenang!
ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA TAHUN 2022
KATEGORI PRODUK

TEMPAT PERTAMA
Suture Needle and Scalpel Parking System (SParks)
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Seremban

TEMPAT KEDUA
PPE Mix & Match Educational Toolkit
Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang

TEMPAT KETIGA
Optimax Lite Box (OLB)
Pusat Pergigian Kanak-kanak & ILKKM (Pergigian)



BAGAIMANA cara mencegah karies?



1

TABIAT PEMAKANAN SIHAT

Amalkan tabiat pemakanan sihat dengan **MENGURANGKAN** kekerapan mengambil makanan di antara waktu makan utama, pengambilan makanan bergula & pengambilan minuman berkarbonat.



2

PENJAGAAN HIGIN MULUT YANG BETUL

Memberus gigi secara berkesan, gunakan ubat gigi berfluorida & gunakan flos untuk pembersihan di antara celah-celah gigi.

3

PEMERIKSAAN PERGIGIAN SECARA BERKALA

Lakukan pemeriksaan pergigian sekurang-kurangnya sekali setahun.



AKTIVITI LAIN-LAIN

Majlis Pelancaran Hari Kemerdekaan ke-65

Bersempena dengan kemerdekaan negara Malaysia yang disambut pada bulan Ogos lalu, institusi ini telah melangsungkan Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Peringkat PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown pada 30 Ogos 2022 (Selasa). Program yang berlangsung selama dua jam bermula dari jam 2.00 hingga 4.00 petang ini telah melibatkan semua kategori penjawatan dan pelatih di institusi ini.



Majlis telah diadakan di Auditorium PPKK & ILKKM (Pergigian) ini bermula dengan nyanyian lagu kebangsaan, lagu negeri Pulau Pinang dan lagu rasmi PPKK & ILKKM (Pergigian) oleh kumpulan koir serta persembahan koir yang berjudul “Sehati Sejiwa”.

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah dan disusuli dengan aktiviti penyerahan bendera Malaysia kepada kontinjen kawad PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown. Akhir sekali, laungan “Merdeka” sebanyak 3 kali telah diketuai oleh YDP Majlis Perwakilan Pelatih, diikuti oleh nyanyian lagu Jalur Gemilang bersama-sama para hadirin sebelum majlis bersurai.



Momen-momen ketika Majlis Pelancaran Hari Kemerdekaan ke-65

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Tahun 2021



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021 telah diadakan pada 28 September 2022 (Rabu) bermula jam 9.00 pagi bagi meraikan seramai 15 orang staf PPKK & ILKMM (Pergigian) Georgetown yang telah terpilih sebagai penerima anugerah.

Majlis yang berlangsung selama 2 jam ini telah disempurnakan dengan penyampaian anugerah oleh Pengarah institusi, Dr Nor Haslina binti Mohd Hashim.

Institusi mengucapkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua penerima dan semoga anugerah ini dapat menjadi motivasi untuk semua staf PPKK & ILKMM (Pergigian) yang lain untuk terus berkhidmat dengan cemerlang.



SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2021

No.	Nama Pegawai	Jawatan	Gred
1	Dr. Nurasyikin binti Abdurahman	Pegawai Pergigian	UG48
2	Dr. Malathi a/p Loganathan		UG48
3	Dr. Amir Hariz bin Abd. Aziz		UG48
4	Pn. Norazita binti Mohamad Talib	Pengajar	U48
5	Pn. Naziah binti Md Jasin		U41
6	Pn. Asmimariza binti Malek		U41
7	En. Mohd Salehuddin bin Mat II	Juruteknologi Pergigian	U32
8	Pn. Flora Bong	Juruterapi Pergigian	U29
9	Pn. Noreliza binti Muhammad		U29
10	En. Mohd Adzan bin Mohd Adeib	Pembantu Pembedahan Pergigian	U19
11	En. Fourtin bin Dinsim	Pembantu Tadbir	W19
12	Pn. Lidia binti Amir	Pembantu Tadbir	N19
13	En. Mohamad Daud bin Mat Yusoff	Penyelia Asrama	N19
14	En. Saiful bin Hasan	Pemandu Kenderaan	U11
15	En. Mohd Fahmy Fitri bin Hassan	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11



MOMEN- MOMEN 2022

29.06.2022 : Bengkel Updates On Classification Of Periodontal And Peri-Implant Disease & Hands On Basic Periodontal Examination oleh Pakar Pergigian Periodontik, Dr. Siti Nurqissa binti Mustafa and Dr. Yap Hsiao Fern dari Klinik Pergigian Jalan Perak.

27.09.2022 - 29.09.2022 : Lawatan Pencerapan / SIQ / Pusat Latihan Amali dari Unit Naziran Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) yang diketuai oleh Dr. Johari Daud bin Makajil bersama pasukan yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Akademik ILKMM Johor Bahru, Ketua Unit Pembangunan Pengajar dan Unit Pembangunan dan Perkembangan Program latihan.





18.10.2022 : Lawatan Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian bersama TPK Negeri ke PPKK & ILKKM (Pergigian) Georgetown bersempena Majlis Perasmian Klinik Pergigian Mesra Promosi oleh YBrs. Dr. Noormi binti Othman, Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM.



08.12.2022 - 09.12.2022 : Lawatan Akreditasi Penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Program Diploma Terapi Pergigian Dan Diploma Teknologi Pergigian. Panel MQA terdiri daripada Prof Madya Dr Nik Mazuan bin Nik Mohd Rosdy (Kampus UiTM Sungai Buloh), Prof Madya Dr Mohd Fadzli bin Khamis (Kampus USM Kubang Kerian), Dr Sofiah binti Mat Ripen mewakili Program Kesihatan Pergigian dan 2 orang sekriteriat MQA yang terdiri dari Puan Maryam Feyqah dan Puan Roslina binti Abdullah

LANTIKAN BARU & PERTUKARAN MASUK KAKITANGAN 2022

No.	Nama Pegawai	Jawatan	Gred	Tarikh Kemasukan
1	Dr. Nurulaini binti Yusoff	Pegawai Pergigian	UG52	18.04.2022
2	Dr. Tan Lek Jian		UG44	22.08.2022
3	Pn Nurul Hani binti Che Ali	Pengajar	U41	18.04.2022
4	Pn Siti Fariza binti Ilias		U41	18.04.2022
5	En AG Mohd Faizal bin AG Sulaiman	Juruterapi Pergigian	U29	09.05.2022
6	Cik Ku Nur Linatul Amira binti Rosli		U29	09.05.2022
7	Cik Netelia Elisa Saikal		U29	09.05.2022
8	Cik NorHaliza Bt Mohd Johari		U29	09.05.2022
9	Cik Norhapisah binti Ahmad		U29	18.08.2022
10	En Andrian D'Cruz a/l Balan	Juruteknologi Pergigian	U29	05.09.2022
11	En Muhamad Khairul bin Kausar	Pembantu Pembedahan Pergigian	U19	24.01.2022

No.	Nama Pegawai	Jawatan	Gred	Tarikh Kemasukan
12	Pn Siti Zanasyafera binti Mohd Zaid	Pembantu Pembedahan Pergigian U19	U19	24.01.2022
13	En Spenncer Diwol		U19	05.09.2022
14	Pn Cherrypina anak Gregory		U19	05.09.2022
15	Cik Wan Noor Nazreen bin Mohd Zin		U19	05.09.2022
16	Cik Siti Nur Amira binti Zainalbidin		U19	28.10.2022
17	Cik Nur Syahida binti Effendy	Pembantu Tadbir	U19	29.08.2022
18	En Muhamad Ghazali bin Md Aizar		U19	29.08.2022

SENARAI PESARA 2022

No.	Nama Pegawai	Jawatan	Gred	Tarikh Bersara
1	En Rohizan bin Ibrahim	Pemandu Kenderaan	H14	14.03.2022
2	Pn Lim Lay Choo	Pengajar	U44	24.11.2022

TERBITAN :

**PUSAT PERGIGIAN KANAK - KANAK &
INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (PERGIGIAN)
GEORGETOWN**



**3, JALAN SEPOY LINES,
10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG**



04-229 9233



ppkkklpm.moh.gov.my



PPKK ILKKM Pergigian Georgetown Pulau Pinang



@ppkkklpm